

USNO serah memo kpd PM

KOTA KINABALU. Selasa — USNO — sebuah parti komponen Barisan Nasional di peringkat pusat, yang bertanding lima kerusi Parlimen di Sabah dalam pilihanraya ini — menyerahkan satu memorandum kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Memorandum yang isi kandungannya masih rahala, diserahkan kepada Pengerusi Barisan Nasional itu

selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin parti tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan singkat kira-kira enam jam memberitahu, keadaan di Sabah tenang dan tidak ada kejadian dilaporkan berlaku.

Beliau menyatakan kegembiraannya atas sambutan rakyat Sabah yang diberikan kepada beliau dan isteri.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia